

**BANJIR DAN PERMASALAHAN PENEMPATAN SEMULA
KAJIAN KES: KAMPUNG LAUT, BATU 10 SKUDAL, 81300 JOHOR
BAHRU, JOHOR**

SITI AWIYAH BINTI IBRAHIM

**Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2007

ABSTRAK

Fenomena banjir yang melanda negara adalah berpunca samaada dari keadaan semulajadi sehinggalah yang disebabkan oleh perlakuan manusia itu sendiri. Disebabkan oleh pembangunan yang pesat, banyak pihak yang mengambil ringan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan berlakunya kejadian seperti banjir ini. Kepsatan tersebut menyebabkan banyak sungai yang dahulunya dijadikan sebagai kawasan tadahan kian cetek dan tidak lagi dapat menampung curahan hujan yang akhirnya menyebabkan berlakunya fenomena banjir tersebut. Begitulah juga dengan petempatan setinggalan seperti Kampung Laut yang kerap dilanda banjir. Akan tetapi penduduk di kawasan tersebut masih terus tinggal di situ dan enggan berpindah ke kawasan penempatan semula yang telah disediakan. Antara keengganan perpindahan tersebut adalah disebabkan oleh faktor perhubungan antara komuniti yang rapat, keadaan ekonomi penduduk, faktor pemilihan penempatan semula oleh pihak berkuasa, kemudahan yang disediakan di kawasan penempatan semula, desakan hidup dan juga faktor politik. Oleh itu, kajian penyelidikan ini meliputi kajian soal selidik terhadap pihak berkuasa, ahli politik serta penduduk kampung itu sendiri yang mempunyai lebih pengalaman dan pengetahuan berkenaan permasalahan tersebut. Kaedah yang dipilih dalam menjalankan kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Tetapi bagi kajian 'Banjir dan Pemasalahan Penempatan Semula ini', teknik yang telah dipilih ialah dokumentasi dan temubual. Pendekatan kualitatif ini biasanya cenderung digunakan apabila seseorang penyelidik ingin cuba membuktikan mengenai fenomena daripada pandangan orang sekeliling yang lebih memahami keadaan sebenar sesuatu perkara. Dengan itu, kajian ini dilakukan adalah bagi mengenalpasti faktor keengganan perpindahan penduduk ke kawasan penempatan semula. Kajian ini mencadangkan langkah-langkah penempatan semula dilakukan dengan mengambilkira faktor keengganan tersebut. Kerajaan juga hendaklah mengambil tindakan yang tegas memandangkan kawasan tersebut akan dibangunkan sebagai kawasan perniagaan dan pengindahan Sungai Skudai.

ABSTRACT

In general, Mother Nature and human behaviour are the causes of flood phenomena which had knock the country. The nation had been in a rapid development and because of that there are some people who had miss looked into the strategies to avoid disaster such as flood. Such development had affected most of the river which used to acts as catchments area to become shallow and incapable to sustain all the water during a heavy rain which finally cause the flood phenomena. This flood phenomenon has happened frequently to most of the squatter settlement near river banks, such as Kampung Laut. But even so, the Kampung Laut residents refuse to be resettled to a new settlement provided by the local authorities. Among the factor for declining the offer is because of the close community relationship among the residents, the resident economic condition, location wise of the new settlement, facilities provided at the new settlement and politics. In this thesis, the research covers the cross-examination on the local authorities, politician and the Kampung Laut residents itself, which had a lot of experience and information regarding the matter. The methodology chosen for this research is qualitative approach, but for the research on 'flood and the resettlement problem', documentation and interview approach are chosen. Qualitative approach is usually used in research of proving a phenomenon based from other peoples point of view who really understand about the issue. This research is conducted in determining the factor behind the refusing of the Kampung Laut residents to be resettled to the new settlement. The research also recommended that the refusing factors of the resident to the new settlement are taken into consideration. The government also is advice to take a firm action regarding this matters considering that the area is going to be develop as a business area and a place to beautify the Skudai River.